


Dimanakah LFL diperiksa sebelum kerja panas? Ogos 2020



Lokasi-lokasi untuk diperiksa LFL sebelum dan semasa kerja panas

Terdapat banyak kejadian kebakaran dan letupan dalam industri selama bertahun-tahun akibat oleh pencucuhan semasa kerja panas yang menghasilkan percikan api. Beacon Mei 2020 merangkumi kejadian maut disebabkan dari satu peristiwa yang sama. Salah satu elemen persiapan untuk kerja panas adalah memeriksa – dan mencegah – kehadiran bahan boleh bakar dan/atau wap mudah terbakar “dalam lingkungan 35 kaki (10.7m)”.

(* Jarak yang disyorkan oleh US OSHA dan National Fire Protection Assoc.(NFPA)).

Kebanyakan syarikat memeriksa wap mudah terbakar di semua tempat di mana percikan api dari kerja panas dijangka akan sampai. Rajah menunjukkan beberapa lokasi untuk diperiksa. Bacaan pengesanan gas LFL perlu diperiksa disekitar lokasi kerja panas itu sendiri, serta disetiap tempat di sekitar dan di bawah tempat zarah panas mungkin sampai. Ini termasuk menggunakan kuar (atau hos pensampelan) untuk memeriksa bahagian dalam paip proses terbuka atau didalam takungan dan longkang proses seperti titik 5-9.

LFL = Had Bawah Kemudahbakaran

Adakah anda tahu?

- Percikan api dari pemotongan nyala, kimpalan dan pencanaian dapat melambung jauh. Itu adalah sebab mengapa kebanyakan permit meminta untuk membuang bahan boleh bakar dan menguji gas mudah terbakar dalam jarak 35 kaki (10.7 m).
- Graviti boleh menarik percikan api dan zarah panas ke tanah – dan bahkan jatuh ke dalam lubang dan takungan. Pantau LFL di bahagian bawah tempat kerja panas yang dilakukan di tempat tinggi.
- Kebanyakan wap mudah terbakar lebih berat daripada udara, jadi ia cenderung untuk berkumpul di ruang rendah, termasuk pembetung dan takungan.
- Wap mudah terbakar yang lebih ringan dapat berlama-lama di ruangan yang mempunyai pengudaraan yang lemah – seperti di dalam paip, tangki, atau dinding penahan.
- Kontraktor dan Pekerja Penyelenggaraan tidak tahu tentang proses anda. Mereka tidak tahu kesemua tempat untuk memeriksa wap mudah terbakar.
- Keadaan boleh berubah semasa kerja panas sedang dilakukan. Operasi proses, gangguan, atau bahkan keadaan cuaca dapat menghadirkan bahan mudah terbakar di tempat kerja panas sedang dilakukan.

Apa yang boleh anda lakukan?

- Periksa setiap bukaan dan takungan dalam zon 35 kaki (10.7 m) atau “loceng” atau jarak yang ditentukan oleh syarikat anda.
- Terdapat beberapa syarikat memerlukan untuk menguji semula LFL dengan kerap untuk memantau keadaan yang berubah-ubah. Pantau ruangan yang terlibat untuk kekalkan keadaan selamat.
- Gunakan pengetahuan anda tentang kawasan proses untuk memikirkan tempat dimana wap mudah terbakar atau cecair dan pepejal boleh bakar mungkin wujud.
- Gunakan “batang” atau tabung sampel yang disertakan dengan alat pengesanan gas anda untuk memeriksa ruangan di dalam.
- Gunakan selimut kimpalan dan perlindungan lain untuk menghalang percikan api dan zarah ke tempat yang tidak sepatutnya. TETAPI JANGAN HANYA HARAPKAN INI SAHAJA!

Uji di SEMUA tempat di mana wap mudah terbakar mungkin boleh dinyalakan!